

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 18 SEPTEMBER 2016

SH 18/9/2016

MBSA johan kategori pengurusan



Kumpulan Neu-Volution MBSA meraikan kejayaan menjadi Johan Kategori Pengurusan Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor 2016.

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjadi johan bagi kategori pengurusan di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor 2016 yang berlangsung di Dewan Jubli Perak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, baru-baru ini.

MBSA yang diwakili Kumpulan Neu-Volution dari Jabatan Bangunan MBSA telah mempersembahkan masalah dan tajuk projek iaitu permohonan pelan untuk kemudahan pemilik taska dan tadika di kawasan MBSA yang kurang efisien.

Pemilihan masalah dan tajuk projek telah menggunakan kaedah sumbang saran, analisa matriks, teknik SMARTS dan analisa kekerapan data.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, objektif projek ini adalah untuk mempermudah proses permohonan pelan untuk kemudahan pengusaha taska dan tadika, di samping menggalakkan pengusaha taska dan tadika untuk mengemukakan permohonan kepada majlis.

"Melalui projek ini pihak kami akan memperkenalkan buku pelan setara bagi permohonan permit binaan sementara bagi tangga keselamatan dan bumbung senguap (awning) untuk memudahkan pengusaha tadika dan taska berurusan dengan pihak MBSA tanpa perlu menggunakan khidmat perunding.

"Permohonan dan kelulusan boleh diperolehi dalam tempoh sejam dengan syarat pemohon menyediakan dokumen sampingan seperti salinan perjanjian jual beli (sekiranya pemohon adalah pemilik premis), resit cukai taksiran, perjanjian penyewaan (jika pemohon adalah penyewa) dan sebagainya," katanya menerusi kenyataan.

Beliau berkata, Kumpulan Neu-Volution juga berjaya mendapatkan anugerah persembahan terbaik di Majlis Persada ini.

MBSA juga turut mengungguli Anugerah Emas di International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) yang telah diadakan di Bangkok, Thailand pada 23 dan 25 Ogos 2016.

Anugerah itu diterima melalui penyertaan Kumpulan EX7, MBSA dalam konvensyen tersebut.